

TARIKH : 18.1.2020
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : M/S 10

Melayu perlu agresif sahut WKB 2030



Dari Kaca Mata
**Profesor Emeritus
Ir Dr Mohd Azraai
Kassim**

Naib Canselor Universiti Teknologi
MARA (UiTM)

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menggambarkan kesungguhan kerajaan menjayakannya. Semuanya untuk rakyat mengecapi kekayaan dan kebahagiaan menyeluruh, merangkumi kebahagiaan fizikal serta rohani.

Betapa kerajaan sentiasa mengatur strategi untuk menyenangkan semua rakyat tanpa ada tertinggal dalam arus kemakmuran negara.

Terdetik di hati, apakah peranan saya sebagai rakyat yang ada sedikit pengetahuan kurniahan Allah SWT. Terlintas juga di fikiran, apakah saya ingin menjadi warga yang hanya menunggu kerajaan menyediakan peluang tanpa menyumbang sesuatu?

Justeru, saya melapangkan diri berkongsi pandangan berkisar motivasi orang Melayu untuk meraih kenikmatan melalui ekonomi.

Mengungkap kebangkitan sikap bersaing untuk orang Melayu bukanlah sesuatu yang mudah. Berlegar-legar di benak saya apa kata kunci paling sesuai untuk melihat bangsa Melayu maju.

Akhirnya, dapat saya ungkapkan kata kunci 'agresif' adalah sangat wajar saya ketengahkan. Agresif pada maksud lebih konstruktif dan positif ke arah keyakinan progresif.

Menghayati WKB 2030, menangani jurang pendapatan dan kekayaan tetap relevan menjadi objektif seperti Dasar Ekonomi Baharu (DEB). Pembasian kemiskinan masih jawapan bagi persoalan berkenaan jurang kekayaan dan ini membuka lembaran mengapa Melayu perlu agresif?

Perkataan agresif merujuk tinda-

kan cepat dilakukan individu. Namun, terdapat juga definisi lain mengenai agresif, iaitu merujuk pemikiran ke hadapan, kreatif merebut peluang dan berani bertindak.

Apabila membincangkan persoalan ekonomi dan data ditonjolkan, wajar sekali tindakan agresif ini ada pada orang Melayu. Ekonomi negara pada masa kini semakin mencabar, ditambah pula kemiskinan dialami ramai orang Melayu.

Kemiskinan juga boleh menyebabkan keciciran dalam pelajaran. Dari sudut pandangan ekonomi, kemiskinan ialah garis pendapatan minimum diperlukan isi rumah untuk memenuhi keperluan makan serta keperluan asas lain.

Oleh itu, tuntutan kaum Melayu bertindak agresif dalam bidang ekonomi amat wajar. Agresif dalam membasmi kemiskinan yang masih ramai dialami kaum Melayu. Mak-sudnya, penyertaan dan pembabitan aktif serta kesungguhan kaum Melayu dalam merebut peluang ekonomi secara holistik sangat penting, terutama dalam menjayakan program bersangkutan.

Setiap peluang dan ruang yang ada akan dipenuhi orang Melayu khususnya, dalam pekerjaan ini bagi meningkatkan taraf ekonomi Melayu. Jika tidak mencuba, sudah pasti tidak diketahui akan kemampuan sejia ada pada Melayu.

Bahkan agresifnya orang Melayu bukan sekadar kelakuan atau tindakan, malah dalam pemikirannya. Setiap pekerjaan dilakukan memerlukan ketajaman daya pemikiran agar memberikan hasil terbaik. Ini bertujuan membentuk persepsi lebih baik daripada sesetengah pihak agar

Setiap tindakan agresif memberikan kesan baik kepada Melayu, seiring tuntutan negara bagi mencapai negara maju dan makmur bersama menjelang 2030.

mengubah daripada memandang sebelah mata terhadap kemampuan orang Melayu bertukar kepada pandangan lebih lunak.

Kita sudah tentu dan pasti yakin tentang kemampuan dimiliki Melayu ini sendiri dan seboleh-bolehnya menghindarkan orang Melayu dari pada terus hanyut dipukul ombak yang membadi.

Apa yang pasti, terdapat keperluan yang untuk Melayu agresif dalam ekonomi kerana setiap tindakan agresif akan memberikan kesan baik kepada Melayu, seiring tuntutan negara bagi mencapai negara maju dan makmur bersama menjelang 2030.

Secara umum, apabila dilihat data terdahulu, sejak penubuhan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) hingga sekarang, dasar dan inisiatif kerajaan untuk mempertingkatkan ekonomi Bumiputera sentiasa berjalan. Namun, keputusan serta jurang kejayaan dengan kaum lain masih ketara.

Di sini, saya ingin memberikan tiga tonggak asas, jika diimplementasikan orang Melayu secara agresif, mampu menipiskan jurang kekayaan jika dibandingkan kaum lain.

Saya memetik kenyataan ini daripada tokoh akademik dan ahli ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Tan Sri Dr Noorazlan Ghazali.

Menurut beliau, tonggak asas pertama ialah penyertaan. Penyertaan dalam sudut ekonomi ialah penglibatan dari segi membabitkan diri dalam proses pengeluaran dan mendapat manfaat daripada peningkatan keluaran. Dengan kata lain, kaum Melayu sama-sama menikmati hasil peningkatan keluaran dan perkhidmatan melalui peningkatan kekayaan individu.

Penyertaan Melayu perlu diperhatikan. Kita perlu lebih objektif, teratur dan tersusun untuk melibatkan diri dalam pelbagai sektor seperti harta tanah, keusahawanan dan pembuatan. Kurangnya penglibatan dalam sektor ini akan menyumbang kepada kurangnya persaingan dan ia seterusnya menyumbang kepada semakin tinggi jurang kemiskinan.